Ganesan, V. (2020). No Sign of Retail Industry's Recovery to 2019 Levels, Retrieved from [theedgemarkets.com: https://www.theedgemarkets.com/article/no-sign-retail-industrys-recovery-2019-levels](https://www.theedgemarkets.com/article/no-sign-retail-industrys-recovery-2019-levels)

Ganesan, V. (2014), Cover Story: Higher Traffic in Malls but Sales Decline, Retrieved from [theedgemarkets.com: https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-higher-traffic-malls-sales-decline](https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-higher-traffic-malls-sales-decline)

## LIST OF BIBLIOGRAPHY

1. Adzman, (2018).
2. Andrew Brien, CEO of Suria KLCC in Kuala Lumpur
3. Arun Menon, Ipsos Managing Director (2020)
4. Barnes, (2005)
5. Begum (2018)
6. Beyard, (2006)
7. Businesstech, (2019)
8. Chua, (2020)
9. Chinese Academy of Social Sciences, (2016)
10. Chebat et al. (2010)
11. Cytonn, (2018)
12. Data Reportal : Digital Malaysia, (2019)
13. Henry Butcher Malaysia's, (2020)
14. High Street Future, (2019)
15. HC Chan, CEO Sunway Malls and Theme Parks (2020)
16. Hong, (2016)
17. International Monetary Fund, (2020)
18. Jen (2014)
19. Kiriri, (2019)
20. Kotler (2001)
21. Maria D. De-Juan-Vigaray (2004)
22. Marendra, (2019)
23. Martin, (2019).
24. Ng, (2003)
25. Nicasio, (2020)
26. Retail Group Malaysia, (2020)
27. Ross, (2018).
28. Sagaci, (2018)
29. Shang, (2015)
30. Tan Sri Teo Chiang Kok, Director of Bandar Utama City Corp Sdn Bhd.(2020)
31. Tan Hai Hsin (2018)
32. TheStar Property, (2018).
33. Thean, (2018)
34. Tokinomo, (2020)
35. Valerie Ong, KIP Group of Companies (2020)
36. World Health Organization (WHO), (2020)
37. Yee, (2020)
38. Yeo.A.C.M, Ong. W.S & Kwek. C.L (2019)

# Hari Raya Aidilfitri 2021:

## Norma Baharu di Era Pandemik Covid-19

Oleh : Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

Hari Raya Aidilfitri yang disambut pada 1 Syawal di setiap tahun Hijrah, adalah perayaan yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia. Hari Raya Aidilfitri seperti kebiasaannya adalah hari berkumpulnya ahli keluarga dalam berjumpa sanak saudara, makan bersama, bergelak tawa dalam meraikan hari lebaran. Sebelum ketibaan hari raya, para ibu bapa dan anak-anak pergi membeli belah pakaian baru di bazar, atau di kompleks membeli-belah untuk disarung semasa hari raya.

Namun, apabila negara dilanda pandemik COVID-19 pada tahun 2020 sehingga berlarutan tahun 2021, semua aktiviti yang biasa dibuat tidak dapat diteruskan dengan bebas. Amalan norma baharu yang perlu dipatuhi oleh setiap orang dalam mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Hal ini, menyebabkan kemasukan di bazar-bazar raya dan kompleks membeli belah dihadkan pada jumlah yang tertentu sahaja, dan ini sedikit sebanyak mengganggu persiapan untuk berhari raya.




Sebelum pandemic COVID-19, membeli belah persiapan hari raya



Kewajiban memakai Penutup Muka dan penjarakan social semasa berada di bazar

Dari sudut positif, dalam memahami kehendak pengguna dalam berbelanja, peningkatan perniagaan atas talian meningkat secara mendadak. Platform talian seperti Shopee dan Lazada merencanakan lagi penjualan di mana para pengguna dapat mencari apa-apa sahaja barang yang mereka kehendaki tanpa perlu keluar rumah. Hanya tunggu parcel sampai di hadapan rumah. Ini dapat mengurangkan kontak sosial semasa membeli belah. Dengan pelbagai diskaun dan baucar yang ditawarkan oleh penjual, barang yang dijual adalah berpatutan dan mampu dibeli oleh pengguna.




Antara platform perniagaan atas talian (Shopee)





Larangan Rentas Negeri oleh kerajaan semasa Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2021, menambahkan lagi derita kepada anak perantauan untuk menziarah ayah dan ibu di kampung. Oleh itu, kemeriahan semakin suram dan hanya melibatkan ahli keluarga terdekat.


Mujurlah, dengan kepesatan teknologi masa kini, terutamanya penggunaan telefon pintar, perjumpaan secara maya boleh dilakukan. Hal ini, sedikit sebanyak dapat mengubat rindu kepada ahli keluarga dan juga merasai kehangatan perayaan Hari Raya Aidilfitri. Ahli keluarga dapat berinteraksi dengan berbual di platform "Google Meet". Walaupun tidak dapat bersalaman dan makan bersama, ia masih lagi boleh dijalankan dalam memastikan hari raya dapat dinikmati bersama.



Perjumpaan secara maya menggunakan platform "Google Meet" semasa hari raya Aidilfitri

Oleh itu, walaupun pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi oleh semua orang terutamanya umat islam di Malaysia, Hari Raya Aidilfitri tetap disambut dengan penuh berhikmah. Hal ini kerana, pelbagai medium boleh digunakan dalam merapatkan perhubungan sesama ahli keluarga. Kita perlu berdoa agar situasi pandemik Covid-19 ini dapat dinyahkan daripada Bumi Malaysia dan seterusnya mengembalikan situasi yang normal dari sudut ziarah menziarahi yang diamalkan sejak dahulu lagi.

Terima kasih



# Pameran Atas Talian: Calit-Calit

Oleh: Juaini Jamaludin


Muzium dan galeri merupakan dua tempat yang sering dikunjungi oleh orang ramai sama ada masyarakat tempatan mahupun luar negara. Namun, dengan penularan pandemik Covid-19, muzium mahupun galeri semakin kurang menerima lawatan dari orang ramai. Jika dilihat dari inisiatif beberapa galeri atau muzium di luar negara, kunjungan di atas talian adalah salah satu inisiatif bagi menarik perhatian orang ramai.

Pameran Calit-Calit yang dianjurkan oleh Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara Cawangan Kedah bersama Muzium Negeri Kedah dilakukan secara atas talian. Pameran ini pada awalnya ingin diadakan di Balai Seni Negeri Kedah. Namun begitu, berikutan dengan peningkatan kes yang ketara serta penularan wabak Covid-19, perancangan bagi pameran tetap diteruskan. Inisiatif awal yang dijadualkan untuk diadakan secara langsung di Balai Seni Negeri Kedah diubah kepada atas talian.

Pameran ini adalah hasil 64 karya pelajar Tahun Satu dari dua jabatan yang berbeza iaitu Diploma Seni Reka Grafik & Media Digital dan Diploma Seni Reka Perindustrian dengan tiga tema yang berbeza iaitu; Jalinan, Lukisan dan Bentuk. Pameran yang berlangsung atas talian bermula dari Oktober 2020 sehingga Februari 2021.

Gambar adalah dari:

<https://sites.google.com/uitm.edu.my/calit-calit/utama?authuser=0>





# E-Submission Kids Learning Videos:

## Pre-Schoolers Experiences with Interactive Campaigns to Fight Covid-19

By : Siti Fairuz Binti Ibrahim & Juaini Jamaludin

### Abstract

The term of gamification becomes increasingly popular as it can increase engagement and make learning delivered in a fun way. Gameful learning uses the gamification concept during learning in the classroom. However, can our classrooms be gamified? This report provides information on pre-schoolers to learn how to fight COVID-19 through e-submission of interactive CD learning. The children learned 19 topics on COVID-19 Pandemic. It becomes an instructional design for learning as its purposed is to get playfulness, as the target audience are pre-schoolers. The compilation of e-submission virtual inspiration will be published in January-June 2021 bulletin for Galeri Seni Merbok as educational videos for kids. These interactive videos bring a vast array of fun animated videos to teach them about the pandemic and hoping this effort be able to stop the spread of Coronavirus.

**Keywords:** interactive learning, gameful learning, pre-schooler

### Introduction

Covid-19 Pandemic had impacted the education scenario. Universiti Teknologi MARA UiTM has switched to online learning mode to avoid the spread of Covid-19 for all its campuses nationwide. This open and distance learning (ODL) has triggered a lot of creative teaching and learning initiatives. GDT 213 Interactive Multimedia, course for third semester students and assigned to produce a multimedia interactive project (CD/DVD-ROM based). The process of the project must include:

1. Research
2. Design and planning of idea & concept
3. Interface design
4. Promotional item
5. Prototype
6. Testing navigation and functional for usability

For Multimedia Interactive Design Final Project, students are required to complete the project using Adobe Animate CC and Adobe Illustrator software. Students will be exposed to the preparation and to develop creative multimedia contents and will be able to obtain the necessary knowledge and practical skills. For outcomes, students should able to:

1. Apply the fundamental knowledge of basic interface design and user experiences to come out through ideation process and storyboard.
2. Practice skills using the software in developing the content for an interactive multimedia project.
3. Display the content of the interactive multimedia project suitable for user interface and user experience.

Even though online learning comes with challenges, finally teaching, learning, critique sessions and submission completed.

Amalia Farzanah: No Food Sharing



Shahmi Faiz Bin Shahr: Steps Entering a Premise



Muhammad Adam Bin Mohamed Esa: Type of Mask



Haris Danial Bin Yusri: Physical Distancing For Escalator User





Muhammad 'Afif Hakimi Bin Mohd Narin: How To Use Hand Sanitizer



Nurin Syafirra Binti Sharulfizam: Physical Distancing



Nur Iffa Hanani: Steps At Public Toilet



Muhammad Ihsan Bin Shahrullizam: Let's Go To School





Dani Irfan Bin Mohamed Faiz: Let's Sanitize Our Sport Equipment



Muhammad Hafiz Bin Muhammad Nawi: Physical Distance Inside Elevator



Syamimi Wafaa: Sneeze and Cough



Rozali Bin Khalid: How to Wear Face Mask Properly





Haikal Hakimi Bin Hamizan: Steps to Wash Hand



Haikal Hakimi Bin Hamizan: Steps to Wash Hand









# IMBRT:

## Era Baru Perkhidmatan Bas Awam

Oleh: Mohd Taufik Zulkefli



Pada 8hb April 2021, Kerajaan Negeri Johor telah melancarkan program ujian rintis (pilot test) perkhidmatan Bas Rapid Transit Iskandar Malaysia (IMBRT) selama tiga bulan. Program ini menandakan bermulanya era baru dalam perkhidmatan bas awam di Malaysia di mana reka bentuk bas yang digunakan adalah dari jenis 'articulated bus' atau 'tandem bus' iaitu bas yang bersambung antara badan ke badan seperti gerabak tren. Reka bentuk bas ini adalah yang pertama kali akan diaplikasikan dalam perkhidmatan bas awam di Malaysia. Reka bentuk bas seperti ini bukanlah asing bagi negara luar terutama sekali di Eropah di mana bermulanya penggunaan bas jenis ini. Ianya merupakan satu penyelesaian bagi perkhidmatan tren yang memerlukan landasan atau rel yang akan menelan kos pembinaan yang tinggi serta perlu disusun atur laluan serta stesen mengikut lokasi perkhidmatan itu diperlukan. Ini kerana, bas seperti ini boleh menggunakan jalan raya biasa seperti kenderaan darat yang lain dan boleh menggunakan perhentian bas yang sedia ada sebagai stesen turun naik penumpang. Reka bentuk bas ini juga dapat memaksimumkan jumlah penumpang tanpa perlu menggunakan jumlah bas yang banyak kerana konfigurasi sambungan badan bas seperti ini boleh menjangkau sehingga 5 unit sambungan. Gabungan setiap unit ini boleh membawa seramai 500 penumpang dalam satu-satu masa. Penggunaan bas jenis ini juga dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida kerana ia beroperasi menggunakan sumber tenaga elektrik atau hidrogen yang lebih mesra alam sekitar. Antara ciri menarik bas ini juga ialah ianya boleh beroperasi secara tanpa pemandu (autonomous driving) di mana bas ini mempunyai sensor yang akan mengenalpasti laluan yang telah diprogramkan serta dapat mengenalpasti garisan jalan dan halangan yang berada di laluan tanpa perlu dikawal oleh pemandu. Sekiranya program ujian rintis ini berjaya, kita akan dapat melihat reka bentuk bas seperti ini digunakan secara meluas di seluruh negara di masa akan datang terutama di bandar-bandar besar sebagai satu langkah penyelesaian yang praktikal dengan kos lebih efektif kepada masalah jumlah kenderaan yang tinggi di waktu puncak yang menyumbang kepada kesesakan jalan raya serta pencemaran alam sekitar.

Sumber artikel:

1. <https://imbrt.com.my>

2. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/804111/ujian-rintis-imbrt-tiga-bulan>

3. <https://paultan.org/2021/04/08/iskandar-malaysia-brt-starts-three-month-pilot-testing>



# Impak Pandemik Covid-19 kepada Pereka Grafik Bebas (Freelance Graphic Designer)

Oleh: Abdullah Kula Ismail



Pandemik Coronavirus-19 telah memberi impak besar kepada semua industri secara global termasuk bidang Seni Reka Grafik. Tulisan ini dipetik secara bebas dari hasil kajian 99design terhadap 11,000 pereka grafik bebas dari 147 negara berkaitan pengalaman mereka sepanjang tahun 2020.

Sebagai latarbelakang, menurut firma kajian ibisworld.com, industri seni reka grafik dunia menjana hasil sebanyak \$45 bilion sepanjang 2020 dan berkembang pada tahap sederhana (2-3%) semenjak 5 tahun yang lepas. Statistik Biro Buruh Amerika telah mengenalpasti terdapat 280,000 orang pereka grafik profesional di Amerika dan dua kali ganda jumlah itu di peringkat global.

Berikut adalah secara ringkas hasil kajian tersebut; 70% pereka freelance adalah lelaki, manakala 28% adalah perempuan dan selebihnya adalah non binari. Golongan milenial (berumur 25 ke bawah) merupakan golongan yang paling ramai bekerja sebagai pereka grafik freelance (36%), 25% (umur 25-29), 21% (umur 30-39), 13% (umur 40-49) dan 3% (umur 50 ke atas). Manakala 53% bekerja sebagai pereka grafik freelance sepenuh masa, 19% lagi bekerja sewaktu belajar atau pelatih, 16% bekerja dalam bidang rekaan di waktu siang dan membuat freelance di waktu malam, manakala 12% bekerja dalam bidang lain dan membuat kerja freelance di masa lapang. Para freelancer juga bersepatut antara sebab memilih bekerja sebagai pereka freelance adalah kerana fleksibel dari segi masa bekerja dan lebih bebas dari aspek kreativiti dan selebihnya sebagai tambahan pendapatan.

Mengikut kajian ini lagi, antara cabaran yang dihadapi oleh pereka grafik freelance sepanjang pandemik (2020) adalah seperti pelanggan memotong budget (27%), pembatalan atau penangguhan projek oleh pelanggan (26%), sukar mendapatkan kerja yang mantap (36%) dan pelanggan menghilangkan diri (22%). Di sebalik 26% pereka grafik freelance kehilangan punca pendapatan sepanjang 2020, hanya 16% sahaja yang mendapat bantuan kewangan dari kerajaan mereka. Di samping itu, kesukaran yang dihadapi sewaktu pandemik menyebabkan 32% pereka grafik freelance bekerja di luar bidang rekaan, 8% dipindahkan dan 13% lagi telah diminta memikul tanggungjawab lain di tempat kerja.

Dari segi tahap kepuasan hati mereka dengan keadaan mereka sekarang (2020) 51% (61% 2019) berasa berpuas hati, 16% lagi amat berpuashati (13% 2019), manakala 28% tidak berpuas hati (17% 2019) dan 3% amat tidak berpuashati dengan situasi semasa mereka (2% 2019).

Demikian secara ringkas sebahagian petikan ringkas kajian oleh 99design berkaitan impak pandemik Covid-19 kepada pereka grafik freelance sepanjang tahun 2020. Laporan sepenuhnya boleh di didapati di <https://99designs.com/design-without-borders-2020>.



# Kesenian Islam :

## Nilai-Nilai Estetika Dalam Karya Tiga Dimensi

Oleh: Mohamat Najib Mat Noor  
[najibmatnoor@uitm.edu.my](mailto:najibmatnoor@uitm.edu.my)

Kata kunci : Kesenian Islam, Nilai Estetika Islam, Karya Tiga Dimensi.

### **'Allah itu indah dan menyukai keindahan' (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)**

Agama adalah asas, dasar atau tapak permulaan kepada asal usul seni. Sejak awal lagi, kesenian islam tidak mementingkan aspek hiasan semata-mata, bahkan setiap ciptaan atau reka bentuk mempunyai maksud yang tersirat di sebalik bentuk yang terhasil. Konsep dan falsafah yang tersirat ini seterusnya berteraskan kepada prinsip ketauhidan yang merujuk kepada Allah yang maha Esa. Oleh yang sedemikian, gambaran berbentuk manusia dan binatang adalah dilarang sama sekali.

Islam tidak menolak bahawa manusia adalah sebagai aspek penting dalam kehidupan manusia, sebagaimana dijelaskan dalam Al-Quran bahawa, manusia adalah khalifah Allah di muka bumi. Menurut Manja Md. Ludin (1995), Islam mempertikaikan manusia dijadikan sebagai imej-imej penciptaan, sepertimana yang diperlakukan oleh kesenian Barat. Imej atau figura manusia dijadikan bahan karya berbentuk 2D atau 3D. Ini kerana Islam menjadikan kemanusiaan (bukan manusia) segala macam aktiviti yang dilakukan sebagai bahan untuk berkarya.

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin, menyatakan kesan yang ditimbulkan karya seni terhadap jiwa manusia sangat besar dan oleh itu, ianya menentukan moral dan penghayatan keagamaan. Nilai estetika akan merosot apabila hanya dikaitkan dengan selera kesenangan sensual dan indrawi. Kesenian Islam bukan hanya terhad kepada bentuk dua dimensi sahaja tetapi ianya juga boleh digambarkan dalam bentuk tiga dimensi.

Walaubagaimanapun, bentukan ini haruslah lari atau keluar dari kepompong terhadap bentuk asal dan tiada sebarang bentuk dua mahupun tiga dimensi yang mampu menandingi kekuasaannya. Proses transformasi sememangnya mampu menghadirkan rasa rendah diri individu itu akan keagungannya yang mana bentuk-bentuk ini bukan lagi bersifat asal dan semulajadi.

Lois Lamya Al-Faruqi dalam bukunya Art and Islam (1985), menekankan tiga prinsip nilai estetika Islam. Pertama, sesebuah karya, imej yang dihasilkan haruslah distailisasikan atau diubah bentuk dan sifat asalnya. Kedua, karya itu adalah bukan bersifat individu dan ketiganya ialah proses pengulangan bertujuan untuk mengubah atau meminda rupabentuk asal daripada alam semulajadi dan oleh hal yang demikian membuatkan karya itu terpengaruh, cenderung kepada sesuatu yang abstrak.

***"Repetition and symmetry check such integration and evolution and help establish that feeling or never-ending patterns demand by culture's aesthetic conscience"***

***lois Lamya Al-Faruqi, 1985:p.25)***

Islam sebagai sebuah agama 'ad-din' atau sempurna, mempunyai cara tersendiri dalam usaha umatnya mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dan sebagaimana yang diketahui hubungan manusia sesama manusia adalah bersifat mendatar dan



hubungan manusia dengan Allah bersifat menegak, diaplikasikan ke dalam karya ini sepertimana yang diterapkan ke dalam falsafah dan kesenian Islam. Dalam Islam, Zikir adalah merupakan salah satu cara memperhambakan diri kepadaNya. Ianya disebut atau diungkapkan berulang kali tiada hadnya, tidak kira masa dan tempat. Kepada setiap muslim ianya adalah merupakan suatu kemestian dan seringkali digunapakaikan dalam kehidupan seharian.

Sebagai pencinta seni, seniman bukan hanya setakat mereka cipta, mengolah bahan dan mengutarakan idea-idea kontemporari, tetapi seseorang itu perlu bijak dalam mencungkil segala rahsia yang dikurniakan oleh Allah samada dari alam semulajadi untuk dikongsi bersama dan tatapan generasi akan datang. Setiap zat-zat, bentuk-bentuk dan corak-corak yang dikurniakanNya, harus diteliti dan difahami dan sememangnya diketahui bahawa ianya tidak terbatas. Semakin banyak dan semakin mendalam sumbernya diterokai maka, corak yang terhasil akan terus bercambah dalam pelbagai bentuk mahupun dua dimensi atau tiga dimensi.

### **Rujukan:**

- [1] Al-Faruqi. L. Islam and Art. Pakistan: National Hijra Council, 1985.
- [2] Al-Qaradhawi. Y. Seni dan Islam. Kuala Lumpur: Jakim, 1999.
- [3] Ali. Z. Estetika Melayu: Suatu Renungan dalam Seni dan Seniman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- [4] Burckhardt. T. Art of Islam-Language and Meaning. Westerham: Westerham Press Ltd, 1976.
- [5] Critchlow. K. PROPOTIONAL RECTANGLES: A Study of Their Unfolding and Their relation to the Proportions of the Body. London: Research Department the Prince of Wale's Institute of Architecture, 1995.
- [6] Critchlow. K. Islamic Patterns: An Analytical and Cosmological Approach Foreword by Seyyed Hoessien Nasr. London: Thames and Hudson, 1976.
- [7] Hilderbrand. R. Islamic Art and Architecture. London. Thames and Hudson Ltd, 1999.
- [8] Nasr. S. H. Knowledge and Sacred, the Gifford Lectures. Edinburgh University Press. 1981.

# COVID-19:

## Antara Pembunuh dan Nilai Estetika

Oleh : Mohd Zamri Azizan

Umum sudah pun menjadi lebih berinformatif sehingga kini setelah senantiasa dihidang dengan pendedahan demipendedahan setiaphari variasi berita Pandemik Covid-19 yang masih tiada penghujungnya.

Virus yang menyerang secara global ini juga telah memasuki beberapa fasa atau gelombang tertentu sehingga tiada kepastian jalan penyelesaian yang masih belum terungkai secara terperinci dari aspek klinikal yang tepat untuk melenyapkan virus ini secara total di seluruh pelusuk dunia. Pelbagai pendapat serta pertikaian masih lagi menjadi perdebatan hingga kini oleh pihak-pihak tertentu tentang aspek penyembuhan melalui vaksinasi yang masih lagi menimbulkan tanda tanya dan kesahihannya terhadap masyarakat global.

Virus yang membunuh tanpa spesifik amaran ini juga terlalu kompleks untuk dibicarakan kerana struktur nano-formnya sangat aktif dan giat berkembang secara drastik jika dijangkiti. Berkisar tentang struktur nano-form Covid-19 yang telah dikenal pasti secara fizikal sejak penghujung 2019 melalui fasa pembesaran beribu kali ini dilihat mempunyai sisi lain yang sarat dengan nilai estetika yang tersendiri sehingga menjemput para karyawan seluruh dunia untuk menjadikannya sebagai subjek kajian melalui interpretasi yang berbeza dalam karya masing-masing.

Untuk menyemarakkan lagi karya-karya bertemakan Covid-19 di peringkat nasional sejajar dengan arus seni global, buat julung-julung kalinya sejumlah kumpulan pelajar-pelajar Grafik 01 telah dipertanggungjawabkan untuk membuat penyelidikan terhadap form virus ini sebagai projek akhir. Eksplorasi dan eksperimentasi kajian diolah peringkat demi peringkat melalui pelbagai sudut kajian demi merungkai keseluruhan fizikal virus tersebut secara total. Aspek semi-mujarad diberi penekanan pada kadar lima puluh peratus (50%) improvisasi agar pengolahan karya-karya pelajar tidak menjurus kepada fizikal asli struktur virus covid seratus peratus (100%).

Pelbagai eksperimentasi potensian medium dikaji demi menjelmakan satu keserasian terhadap warna dan kesepaduan bentuk pada fasa terakhir arca miniatur covid ini. Pelajar-pelajar diberi kebebasan untuk memilih medium yang bersesuaian agar dapat menimbulkan satu persepsi dan interpretasi yang berbeza dalam berkarya. Pengolahan medium secara bebas ini juga dapat menzahirkan satu visi baru dan akhirnya pelajar-pelajar dapat memberikan persembahan yang terbaik melalui cetusan rasa yang unggul untuk tatapan umum.



Apa yang menjadi harapan di sini agar objektif penghasilan karya bertemakan Covid-19 di kalangan pelajar ini dapat memberi satu kesan dan persepsi baru dalam penerokaan seni serta melihat sisi lain virus Covid-19 melalui kepadatan nilai estetikanya selain dari agen pembunuh tanpa sempadan yang terus melekat di minda selamanya.






# Shopping RAYA 2021 di Musim Pandemi Covid-19

Oleh : Faryna Mohd Khalis (Dr.)

Kepentingan penggunaan media digital pada masa kini dapat dilihat semakin meluas yang meliputi semua sektor termasuk ekonomi, pekerjaan dan pendidikan. Segala urusan telah banyak diteruskan secara atas talian. Bagi Institut Pengajian Tinggi (IPT), Institut Kemahiran, sekolah-sekolah dan UiTM khususnya sebagai pusat pembelajaran telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kelas secara atas talian bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dan pelajaran tetap dapat diteruskan walau dengan apa cara sekali pun. Tahun 2021 menyaksikan Malaysia masih belum pulih lagi daripada wabak Covid-19. Seperti tahun 2020 yang lalu, raya disambut sederhana dan perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Namun begitu, semangat untuk meraikan Aidilfitri tetap ada dan segala keperluan masih dipenuhi seperti menyediakan juadah-juadah raya; kuih raya, ketupat, rendang dan semestinya baju raya masih menjadi ketetapan bagi menyambut Hari Raya. Walaupun pergerakan untuk berhari raya agak terbatas tetapi kemeriahan masih dirasakan.

Bagi kaum hawa pula, isu Covid-19 tidak menghalang mereka daripada terus membeli belah kerana di zaman teknologi moden dan media digital ini tiada apa yang mustahil. Banyak platform seperti laman sesawang, Instagram, Telegram dan Facebook telah menyediakan kemudahan membeli belah secara atas talian. Zalora, FashionValet, Shopee dan lain-lain platform adalah antara syurga membeli belah atas talian yang sering menjadi pilihan pengguna. Kita tidak lagi perlu bersusah payah untuk keluar dari rumah, memandu dalam kesesakan lalu lintas dan kadang kala bersesak-sesak di kedai terutama pada waktu-waktu kemuncak menjelang Hari Raya. Hanya dengan sentuhan di hujung jari menggunakan telefon pintar sahaja segalanya akan selesai. Sangat mudah dan cepat! Walau bagaimanapun, kita masih perlu berhati-hati apabila memilih penjual dan kedai di alam maya ini kerana urusan pembelian sedikit berbeza di mana kita perlu membayar dahulu sebelum pengeposan barangan dan barangan sampai ke tangan beberapa hari kemudian. Kita perlu memastikan kesahihan perniagaan tersebut sebelum membuat sebarang transaksi. Ianya agak berisiko tetapi jika kita bijak menilai sebelum membeli, Insya Allah tiada menimbulkan permasalahan. Pastikan perniagaan tersebut adalah berdaftar dan mendapat 'review' atau 'follower' yang tinggi daripada pengguna lain. Apa yang menarik membeli secara atas talian ini adalah ia memudahkan kita untuk membandingkan harga dan pilihan rekaan dengan mudah dengan penjual atas talian yang lain sebelum membuat sebarang pembelian. Pendek kata, bijak membeli, menang memakai!



5.5 Raya Special Sale Is Back! Ends 6PM

DEAL ENDS IN 04 : 29 : 50

